


Bil. S 16



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMASYHURAN DARURAT



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bismillahir Rahmannir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan di bawah Perkara 83(1) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (selepas ini disebut sebagai "Perlembagaan"), bahawa jika pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa akan berlaku, terdapat atau telah timbul suatu kejadian darurat atau kejadian yang membahayakan orang ramai yang dengan kerananya keselamatan atau kehidupan ekonomi Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana bahagiannya, adalah atau mungkin terancam, sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau kekacauan dalam negeri, yang sebenarnya atau yang diancam, maka Baginda boleh dengan Pemasyhuran (selepas ini disebut sebagai suatu "Pemasyhuran Darurat") mengisytiharkan suatu keadaan darurat sama ada bagi seluruh Negara Brunei Darussalam atau dalam bahagian Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pemasyhuran Darurat itu.

DAN BAHAWASANYA pada 14 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 2 haribulan September 2020, BETA telah MENGISYTIHARKAN DAN MEMASYHURKAN keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan di bawah Perkara 83(2) dari Perlembagaan bahawa Pemasyhuran Darurat tidak boleh berkuat kuasa lebih dari dua tahun, akan tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berhak mengeluarkan satu lagi Pemasyhuran sedemikian apabila atau sebelum tamatnya tempoh itu.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan di bawah Perkara 83(2A) dari Perlembagaan bahawa dengan tidak menghiraukan Perkara 83(2) dari Perlembagaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan satu lagi Pemasyhuran sedemikian mengisytiharkan pemberhentian suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam atau dalam bahagian Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pemasyhuran itu sebelum tamat tempoh dua tahun.

DAN BAHAWASANYA pada pendapat BETA bahawa akan berlaku, terdapat atau telah timbul suatu kejadian darurat atau kejadian yang membahayakan orang ramai yang dengan kerananya keselamatan atau kehidupan ekonomi Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana bahagiannya, adalah atau mungkin terancam.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZ UDDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya;

Dengan ini MENGISYTIHARKAN DAN MEMASYHURKAN mulai dari hari ini keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam;

DAN dengan ini MEMBATALKAN Pemasyhuran Darurat yang telah disebut tadi yang diperbuat pada 14 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 2 haribulan September 2020.

Demikianlah Pemasyhuran Darurat.

Barang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam akan Pemasyhuran ini. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari ini 1 haribulan Safar Tahun Hijrah 1444 bersamaan dengan 29 haribulan Ogos, 2022, iaitu tahun yang kelima puluh lima Beta di atas Takhta Kerajaan.

DENGAN TITAH PERINTAH

HAJAH NOR HASHIMAH BINTI HAJI MOHAMMED TAIB
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri.